

Pantau aktiviti pembalakan Ulu Muda

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) memandang serius aktiviti pembalakan yang didakwa kembali berleluasa di Hutan Simpan Ulu Muda Pengerusinya, Datuk Othman Aziz berkata, aktiviti pembalakan tanpa kawalan memberi kesan buruk kepada kawasan empangan serta tadahan air.

"Di Ulu Muda, pembalakan hutan secara sah atau diberikan permit telah berlaku sejak hampir 10 tahun lalu.

"Namun, kebelakangan ini, pembalakan haram turut dikesan berlaku di kawasan itu," katanya.

Malah, katanya, laluan balak turut dikesan di Ulu Muda, yang dipercayai wujudnya laluan yang dibina hanya 200 meter (m) dari empangan, manakala jarak paling jauh dikesan sehingga 2.5 kilometer (km).

Othman berkata, pembalakan sedemikian amat membimbangkan kerana air hujan tidak dapat mengalir ke tanah, malah ada laluan air ditutupi mendapan tanah.

"Sedangkan, kawasan empangan tersebut merupakan sumber paling



Othman ketika menyampaikan ucapan.

penting untuk pengairan air ke sawah dan kegunaan domestik," katanya.

Menurutnya, disebabkan pembalakan itu, air yang sepatutnya mengalir ke tanah sebelum memasuki empangan, bagaimanapun tidak mampu berbuat demikian akibat ketiadaan pokok-pokok yang berfungsi sebagai penampas.

Tambahnya, dibimbangi sekiranya aktiviti pembalakan dibiarkan berleluasa sedemikian, ia turut memberi kesan terhadap pengairan air.

"Apatah lagi, kapasiti air kini hanya tinggal 50 peratus sahaja.

"Apabila air tidak cukup, maka pengairan air akan terbantut. Saya bimbang perkara sedemikian terus

berulang pada masa akan datang," katanya.

Sehubungan itu, katanya, diharap pihak bertanggungjawab, seperti Jabatan Perhutanan terus mengawasi aktiviti dilakukan selain kakitangan Jabatan Alam Sekitar agar memantau aktiviti pembalakan di kawasan itu.

"Kerajaan negeri wajar memanjangkan perkara itu kepada kerajaan pusat jika berdepan sebarang kekangan untuk mengatasi isu berkenaan," katanya.

Menurutnya, pihaknya telah menghantar laporan berkaitan kesan pembalakan kepada kerajaan negeri pada minggu pertama April, dan akan memanjangkan isu itu pada mesyuarat akan datang.